

11/10/2002

Anita puji keselesaan ERL

Ellyna Ali

DI balai ketibaan antarabangsa KLIA, kehadiran superstar Anita Sarawak dan suaminya Mahathir Abdullah dinantikan penuh sabar oleh wakil Berita Harian dan radio red 104.9 termasuk DJnya, JJ dan KC Ismail.

Sementara menanti, rombongan dijamu sarapan pagi oleh pihak KLIA Ekspres yang turut menaja perjalanan pergi balik rombongan ini menerusi Express Rail Link (ERL).

Superstar yang ditunggu-tunggu itu akhirnya muncul kira-kira 25 minit selepas itu. Anggun sungguh Anita mengenakan topi dan pakaian blaus panjang serta seluar yang sedondon berwarna hitam.

Kedua-dua belah telinga pula dihiasi anting-anting jed. Pasti ia pemberian Jewellery Circles Sdn Bhd.

Di tangannya, dua anak patung beruang kesayangan iaitu Cinta dan Roosevelt tidak pernah dilupakan.

Keluar dari pintu ketibaan, Anita atau lebih mesra digelar Kak Nita juga menerima sejambak bunga daripada penganjur.

Seperti biasa, ke mana-mana saja Kak Nita pergi, beliau akan sentiasa ditemani suami kesayangan, Mahathir Abdullah yang tidak kurang segaknya mengenakan kot pada pagi itu.

Mahathir turut memakai jed seperti isterinya iaitu kalung kecil dan cincin jed di jari manis kanannya.

Bersama wakil rombongan Berita Harian dan radio red 104.9 juga, Kak Nita dan suaminya Mahathir buat kali pertama berpeluang menaiki ERL dari KLIA terus ke KL Sentral.

"Amboi selesa, cepat dan pantas betul naik ERL ni ya! Nampaknya boleh kami menaikinya lagi setiap kali datang ke KL," kata Anita penuh mesra.

Sepanjang perjalanan itu juga, Kak Nita sempat diwawancara oleh radio red 104.9 sempena Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2002 (ABP-BH 2002) yang akan berlangsung di Arena of Stars, Genting Highlands, Ahad ini.

Hanya dalam masa 28 minit saja, rombongan itu bersama Kak Nita dan Mahathir selamat tiba ke KL Sentral.

Kehadirannya sekali lagi disambut dengan sejambak bunga oleh Ketua Pegawai Eksekutif KLIA Ekspres, Dr Aminuddin Adnan bersama beberapa petugas.

Selepas memberikan beberapa pose istimewa, Kak Nita dan Mahathir segera menaiki limosin yang disediakan untuk membawa mereka naik ke Genting Highlands.